



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENGECUALIAN CUKAI ATAS PENDAPATAN
PENGGAJIAN INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN SYARIKAT
TERTENTU DI MALAYSIA**

KETETAPAN UMUM NO. 12/2011

TARIKH KELUARAN: 20 DISEMBER 2011



**PENGECUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

KANDUNGAN

Muka surat

1.	Pendahuluan	1
2.	Interpretasi	1
3.	Individu Bukan Warganegara Yang Bekerja Di Syarikat Tertentu	2
4.	Pengiraan Pendapatan Dikecualikan Cukai	3
5.	Dokumen Diperlukan Untuk Tuntutan Pengecualian	13
6.	Tarikh Kuat Kuasa	13

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



**PENGECCUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

1. Ketetapan ini menerangkan layanan cukai terhadap pendapatan penggajian yang diperoleh oleh individu bukan warganegara yang bekerja di Syarikat Ibu Pejabat Operasi, Pejabat Serantau, Syarikat Pusat Perolehan Antarabangsa atau Syarikat Pusat Pengedaran Serantau di Malaysia.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2, 7, 13, 25 dan Jadual 6.
3. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 “Bukan pemastautin” bagi tahun asas sesuatu tahun taksiran berhubung seseorang pekerja bermaksud pekerja selain daripada pekerja yang bermastautin.
 - 3.2 “Bukan warganegara” bermaksud individu bukan warganegara Malaysia.
 - 3.3 “Cukai Malaysia” bermaksud cukai yang dikenakan di bawah ACP 1967.
 - 3.4 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud –
 - (a) tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ia adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar saraan pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu mungkin merupakan orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
 - 3.5 “Orang” termasuk syarikat, koperasi, kelab, persatuan, Keluarga Sekutu Hindu, pemegang amanah, pentadbir harta pusaka, perkongsian dan individu.
 - 3.6 “Pejabat serantau” bermaksud suatu pejabat serantau yang diluluskan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
 - 3.7 “Pekerja” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud -
 - (a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara orang suruhan dan tuan;
 - (b) jika perhubungan di antara orang suruhan dan tuan tidak wujud, ia adalah pemegang perlantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
 - 3.8 “Pemastautin Malaysia” bermaksud individu yang bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 7 ACP 1967.



**PENGECUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

- 3.9 “Penggajian” bermaksud –
- a) penggajian di mana terdapat perhubungan tuan dan orang suruhan;
 - b) mana-mana perlantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada terdapat atau tiada perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.10 “Pendapatan berkanun”, berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran bermaksud pendapatan berkanun sebagaimana yang ditentukan menurut ACP 1967.
- 3.11 “Pendapatan bercukai” berkaitan dengan seseorang dan satu tahun taksiran bermaksud pendapatan kena cukai sebagaimana yang ditentukan menurut ACP 1967.
- 3.12 “Syarikat ibu pejabat operasi” bermaksud suatu syarikat ibu pejabat operasi yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- 3.13 “Syarikat pusat pengedaran serantau” bermaksud suatu syarikat pusat pengedaran serantau yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- 3.14 ‘Syarikat pusat perolehan antarabangsa” bermaksud suatu syarikat pusat perolehan antarabangsa yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- 3.15 “Taksiran” bermaksud apa-apa taksiran atau taksiran tambahan yang dibuat di bawah ACP 1967.
- 3.16 “Tahun asas” berhubung dengan suatu tahun taksiran bagi suatu punca pendapatan penggajian adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
- 3.17 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.

4. Individu Bukan Warganegara Yang Bekerja Di Syarikat Tertentu

Individu bukan warganegara yang bekerja di Syarikat Ibu Pejabat Operasi, Pejabat Serantau, Syarikat Pusat Perolehan Antarabangsa atau Syarikat Pusat Pengedaran Serantau diberi layanan cukai seperti berikut:

- (a) Syarikat Ibu Pejabat Operasi (IPO) dan Pejabat Serantau (PS)

Mulai tahun taksiran 2003, individu bukan warganegara dikecualikan daripada pembayaran cukai berkenaan dengan punca pendapatan yang



**PENGECCUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

diperoleh daripada suatu penggajian dengan suatu syarikat IPO atau PS yang dijalankan di luar Malaysia. Amaun pendapatan yang dikecualikan cukai ditentukan mengikut formula dalam perenggan 5.2 seperti di bawah. Oleh itu, individu bukan warganegara dikenakan cukai hanya atas bahagian pendapatan bercukai berkaitan dengan bilangan hari menjalankan penggajian di Malaysia [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 60) 2003] [PU.(A) 382/2003].

- (b) Syarikat Pusat Perolehan Antarabangsa (SPPA) dan Syarikat Pusat Pengedaran Serantau (SPPS)

Mulai tahun taksiran 2008, layanan cukai yang diberikan kepada individu bukan warganegara yang bekerja di IPO atau PS dipanjangkan kepada individu bukan warganegara yang bekerja di SPPA atau SPPS. Pendapatan yang dikecualikan cukai ditentukan mengikut formula dalam perenggan 5.2 seperti di bawah. Oleh itu, individu bukan warganegara dikenakan cukai hanya atas bahagian pendapatan bercukai berkaitan dengan bilangan hari menjalankan penggajian di Malaysia [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.2) 2008] [PU.(A) 101/2008].

5. Pengiraan Pendapatan Yang Dikecualikan Cukai

- 5.1 Dalam penggajian di Malaysia untuk tempoh yang tidak melebihi 60 hari

Pendapatan individu bukan warganegara daripada penggajian dengan IPO, PS, SPPA atau SPPS yang dijalankan oleh beliau untuk suatu tempoh yang tidak melebihi 60 hari dalam suatu tahun asas atau untuk setiap tahun asas, mengikut mana yang berkenaan, adalah dikecualikan cukai menurut perenggan 21, Jadual 6, ACP 1967 di bawah keadaan berikut:

- (a) pekerja menjalankan penggajian di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang bersama-sama tidak melebihi 60 hari dalam tahun asas untuk satu tahun taksiran;
- (b) pekerja menjalankan penggajian di Malaysia bagi satu tempoh berterusan (tidak melebihi enam puluh hari) yang bertindih dengan tahun asas untuk dua tahun taksiran yang berturut-turut; atau
- (c) pekerja menjalankan penggajian di Malaysia bagi suatu tempoh berterusan (tidak melebihi enam puluh hari) yang bertindih dalam tahun asas untuk dua tahun taksiran yang berturut-turut dan bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang bersama-sama dengan tempoh berterusan itu tidak melebihi enam puluh hari.



**PENGECUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

Contoh 1

Syafrein, seorang bukan warganegara digaji oleh syarikat IPO di Malaysia dari 1.1.2011 hingga 28.2.2011 (59 hari) dengan saraan bulanan RM20,000. Tugas beliau termasuk memberi perkhidmatan kepada syarikat berkaitan di rantau Asia Tenggara. Syafrein menjalankan penggajian beliau di luar Malaysia selama 30 hari. Beliau meninggalkan Malaysia pada 1.3.2011.

Memandangkan tempoh penggajian Syafrein dengan syarikat IPO di Malaysia tidak melebihi 60 hari dalam tahun 2011, beliau dikecualikan cukai di bawah perenggan 21, Jadual 6 ACP 1967.

5.2 Dalam penggajian di Malaysia untuk tempoh yang melebihi 60 hari

Pendapatan individu bukan warganegara daripada penggajian dengan IPO, PS, SPPA atau SPPS tertakluk kepada cukai di Malaysia jika penggajian beliau adalah:

- (a) bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang kesemuanya berjumlah lebih daripada enam puluh hari dalam suatu tahun asas; atau
- (b) bagi suatu tempoh berterusan melebihi 60 hari yang bertindih dua tempoh asas yang berturutan; atau
- (c) di mana tempoh bertindih berterusan bersama-sama dengan tempoh atau tempoh-tempoh lain melebihi 60 hari. [Perenggan 22(a), Jadual 6, ACP 1967].

Walau bagaimanapun, individu bukan warganegara dalam penggajian IPO, PS, SPPA atau SPPS dikenakan cukai hanya atas bahagian pendapatan bercukai berkaitan dengan bilangan hari beliau menjalankan penggajian di Malaysia. Amaun pendapatan yang dikecualikan berhubung dengan penggajian yang dijalankan di luar Malaysia ditentukan mengikut formula berikut:

$$\frac{A}{B} \quad X \quad C$$



**PENGECUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

Di mana,

- A - Bilangan hari dalam tahun taksiran itu individu bukan warganegara menjalankan penggajian dengan IPO, PS, SPPA atau SPPS di luar Malaysia;

(Bilangan hari di luar Malaysia tidak termasuk cuti rehat di luar negara)

- B - Bilangan hari dalam tahun taksiran itu individu bukan warganegara menjalankan penggajian dengan IPO, PS, SPPA atau SPPS itu; dan

(Bilangan hari adalah keseluruhan tempoh penggajian termasuk cuti rehat di luar negara);

- C - Pendapatan bercukai untuk suatu tahun taksiran yang berkaitan dengan IPO, PS, SPPA atau SPPS.

Bagi maksud formula ini individu bukan warganegara itu disifatkan berada di luar Malaysia untuk sehari jika beliau berada di luar Malaysia untuk sepanjang hari itu.

Contoh 2

Edward, seorang bukan warganegara, digaji oleh suatu syarikat IPO di Malaysia dari 1.1.2009 hingga 31.12.2010. Tugas beliau termasuk memberi perkhidmatan kepada syarikat berkaitan di rantau Asia Tenggara.

Saraan Edward adalah RM240,000 setahun. Dalam tahun 2009, beliau menjalankan tugas di luar negara selama 150 hari dan bercuti selama 14 hari di Australia.

Edwards, pemastautin di Malaysia untuk tahun taksiran 2009, menuntut pelepasan berikut:

Pelepasan orang perseorangan	-	RM8,000
Buku	-	<u>RM 700</u>
		<u>RM8,700</u>

Situasi diringkaskan seperti berikut:



**PENGECCUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

Tahun 2009	
Penggajian di Malaysia	
Menjalankan penggajian di Malaysia (termasuk cuti rehat di dalam dan di luar Malaysia)	Menjalankan penggajian di luar Malaysia
215 hari	150 hari
Pendapatan bercukai tertakluk kepada cukai di Malaysia	Pendapatan bercukai dikecualikan cukai di Malaysia

Pengiraan cukai Edward untuk tahun taksiran 2009 adalah seperti berikut:

Pengiraan pendapatan yang dikecualikan cukai di Malaysia							
(i)	<i>Bilangan hari penggajian dijalankan di luar Malaysia dalam tahun 2009 (A)</i> <i>150 hari</i>						
(ii)	<i>Bilangan hari dalam penggajian dengan IPO dalam tahun 2009 (B)</i> <i>365 hari</i>						
(iii)	<i>Pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2009 (C)</i> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="text-align: right;"><i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i></td> <td style="text-align: right;"><i>RM 240,000</i></td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;"><i>Tolak: Pelepasan</i></td> <td style="text-align: right;"><i><u>8,700</u></i></td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;"><i><u>231,300</u></i></td> </tr> </table>	<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	<i>RM 240,000</i>	<i>Tolak: Pelepasan</i>	<i><u>8,700</u></i>		<i><u>231,300</u></i>
<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	<i>RM 240,000</i>						
<i>Tolak: Pelepasan</i>	<i><u>8,700</u></i>						
	<i><u>231,300</u></i>						
(iv)	<i>Pendapatan penggajian dikecualikan cukai di Malaysia</i> $\frac{150 (A)}{365 (B)} \times 231,300 (C)$ <i>= RM95,055</i>						



**PENGECUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

(v)	<i>Pengiraan pendapatan bercukai selepas mengambil kira amaun pendapatan penggajian yang dikecualikan cukai</i>	
		RM
	<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	240,000
	<i>Tolak: Pelepasan</i>	<u>8,700</u>
		231,300
	<i>Tolak: Amaun pendapatan dikecualikan</i>	<u>95,055</u>
	<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>136,245</u>
(vi)	<i>Pengiraan cukai kena dibayar</i>	
		RM
	<i>Cukai atas RM100,000</i>	14,325.00
	<i>Cukai atas RM36,245 @ 27%</i>	<u>9,786.15</u>
		<u>24,115.15</u>

Contoh 3

Fakta adalah sama seperti di Contoh 2 kecuali dalam tahun 2009, Edward menjalankan penggajian beliau di Malaysia hanya 45 hari dan bercuti di Australia selama 14 hari. Edward adalah pemastautin Malaysia dalam tahun taksiran 2009 di bawah perenggan 7(1)(b) ACP 1967.

Tempoh penggajian Edward adalah untuk 2 tahun di sebuah IPO di Malaysia. Pendapatan penggajian yang diterima oleh Edward bagi tugas yang dijalankan di luar negara dianggap diperoleh dari Malaysia memandangkan tugas di luar Malaysia adalah bersampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia mengikut perenggan 13(2)(c) ACP 1967.

Walaupun Edward menjalankan penggajian beliau di Malaysia selama 45 hari dan tempoh ini, termasuk cuti rehat 14 hari (45 hari + 14 hari = 59 hari) tidak melebihi 60 hari dalam tahun 2009, beliau tidak layak untuk pengecualian cukai di bawah perenggan 21, Jadual 6 ACP 1967.

Situasi diringkaskan seperti berikut:



**PENGECCUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

<i>Tahun 2009</i>	
<i>Penggajian di Malaysia</i>	
<i>Menjalankan penggajian di Malaysia (termasuk cuti rehat di dalam dan di luar Malaysia)</i>	<i>Menjalankan penggajian di luar Malaysia</i>
<i>59 hari</i>	<i>306 hari</i>
<i>Pendapatan bercukai tertakluk kepada cukai di Malaysia</i>	<i>Pendapatan bercukai dikecualikan cukai di Malaysia</i>

Pengiraan cukai Edward untuk tahun taksiran 2009 adalah seperti berikut:

<i>Pengiraan pendapatan yang dikecualikan cukai di Malaysia</i>										
<i>(i)</i>	<i>Bilangan hari penggajian dijalankan di luar Malaysia dalam tahun 2009 (A)</i> <i>306 hari</i>									
<i>(ii)</i>	<i>Bilangan hari dalam penggajian dengan IPO dalam tahun 2009 (B)</i> <i>365 hari</i>									
<i>(iii)</i>	<i>Pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2009 (C)</i> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="text-align: right;"><i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i></td> <td style="text-align: right;"><i>RM 240,000</i></td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;"><i>Tolak: Pelepasan</i></td> <td style="text-align: right;"><i><u>8,700</u></i></td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;"><i><u>231,300</u></i></td> </tr> </table>	<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	<i>RM 240,000</i>	<i>Tolak: Pelepasan</i>	<i><u>8,700</u></i>		<i><u>231,300</u></i>			
<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	<i>RM 240,000</i>									
<i>Tolak: Pelepasan</i>	<i><u>8,700</u></i>									
	<i><u>231,300</u></i>									
<i>(iv)</i>	<i>Pendapatan penggajian dikecualikan cukai di Malaysia</i> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="text-align: center;"><i><u>306 (A)</u></i></td> <td style="text-align: center;"><i>X</i></td> <td style="text-align: center;"><i>231,300(C)</i></td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><i>365 (B)</i></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;"><i>= RM193,912</i></td> </tr> </table>	<i><u>306 (A)</u></i>	<i>X</i>	<i>231,300(C)</i>	<i>365 (B)</i>			<i>= RM193,912</i>		
<i><u>306 (A)</u></i>	<i>X</i>	<i>231,300(C)</i>								
<i>365 (B)</i>										
<i>= RM193,912</i>										



**PENGECCUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

(v)	<i>Pengiraan pendapatan bercukai selepas mengambil kira amaun pendapatan penggajian yang dikecualikan cukai</i>	
		<i>RM</i>
	<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	<i>240,000</i>
	<i>Tolak: Pelepasan</i>	<i><u>8,700</u></i>
		<i>231,300</i>
	<i>Tolak: Amaun pendapatan dikecualikan</i>	<i><u>193,912</u></i>
	<i>Pendapatan bercukai</i>	<i><u>37,388</u></i>
(vi)	<i>Pengiraan cukai kena dibayar</i>	
		<i>RM</i>
	<i>Cukai atas RM35,000</i>	<i>1,525.00</i>
	<i>Cukai atas RM2,388 @ 12%</i>	<i><u>286.56</u></i>
	<i>Cukai kena dibayar</i>	<i><u>1,811.56</u></i>

Contoh 4

Fakta adalah sama seperti Contoh 1 kecuali Syafrein kembali ke Malaysia untuk bekerja dengan syarikat IPO yang lain di Malaysia. Tempoh penggajian beliau dengan syarikat baru adalah dari 1.4.2011 hingga 30.9.2011(183 hari) dan saraan bulanan adalah RM25,000. Syafrein menjalankan penggajian beliau di luar Malaysia selama 90 hari. Liabiliti cukai beliau akan dikaji mulai 1.1.2011 pada masa penggajian dengan syarikat IPO yang kedua tamat.

Syafrein, pemastautin di Malaysia dalam tahun taksiran 2011 menuntut pelepasan berikut:

Pelepasan diri	RM9,000
Buku	<u>RM 800</u>
	<u>RM9,800</u>

Pengiraan cukai Syafrein untuk tahun taksiran 2011 adalah seperti berikut:



**PENGECCUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

<i>Pengiraan pendapatan yang dikecualikan cukai di Malaysia</i>																	
(i)	<p><i>Bilangan hari penggajian dijalankan di luar Malaysia dalam tahun 2011 (A)</i></p> <p>$30 + 90 = 120 \text{ hari}$</p>																
(ii)	<p><i>Bilangan hari dalam penggajian dengan IPO dalam tahun 2011 (B)</i></p> <p>$59 + 183 = 242 \text{ hari}$</p>																
(iii)	<p><i>Pendapatan bercukai untuk tahun takisran 2011 (C)</i></p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 80%;"></td> <td style="text-align: right;"><i>RM</i></td> </tr> <tr> <td><i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i></td> <td style="text-align: right;">190,000</td> </tr> <tr> <td><i>Tolak: Pelepasan</i></td> <td style="text-align: right;"><u>9,800</u></td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;"><u>180,200</u></td> </tr> <tr> <td colspan="2"> </td> </tr> <tr> <td><i>Pendapatan penggajian:</i></td> <td></td> </tr> <tr> <td><i>(RM20,000 x 2 bulan) + (RM25,000 X 6 bulan)</i></td> <td></td> </tr> <tr> <td><i>= RM190,000</i></td> <td></td> </tr> </table>		<i>RM</i>	<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	190,000	<i>Tolak: Pelepasan</i>	<u>9,800</u>		<u>180,200</u>	 		<i>Pendapatan penggajian:</i>		<i>(RM20,000 x 2 bulan) + (RM25,000 X 6 bulan)</i>		<i>= RM190,000</i>	
	<i>RM</i>																
<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	190,000																
<i>Tolak: Pelepasan</i>	<u>9,800</u>																
	<u>180,200</u>																
<i>Pendapatan penggajian:</i>																	
<i>(RM20,000 x 2 bulan) + (RM25,000 X 6 bulan)</i>																	
<i>= RM190,000</i>																	
(iv)	<p><i>Pendapatan penggajian dikecualikan cukai di Malaysia</i></p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;"><u>120 (A)</u></td> <td style="width: 10%; text-align: center;">X</td> <td style="width: 60%;">180,200(C)</td> </tr> <tr> <td>242 (B)</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td colspan="3"> </td> </tr> <tr> <td colspan="3"><i>= RM89,355</i></td> </tr> </table>	<u>120 (A)</u>	X	180,200(C)	242 (B)			 			<i>= RM89,355</i>						
<u>120 (A)</u>	X	180,200(C)															
242 (B)																	
<i>= RM89,355</i>																	
(v)	<p><i>Pengiraan pendapatan bercukai selepas mengambil kira amaun pendapatan penggajian yang dikecualikan cukai</i></p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 80%;"></td> <td style="text-align: right;"><i>RM</i></td> </tr> <tr> <td><i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i></td> <td style="text-align: right;">190,000</td> </tr> <tr> <td><i>Tolak: Pelepasan</i></td> <td style="text-align: right;"><u>9,800</u></td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">180,200</td> </tr> <tr> <td> </td> <td></td> </tr> <tr> <td><i>Tolak: Amaun pendapatan dikecualikan</i></td> <td style="text-align: right;"><u>89,355</u></td> </tr> <tr> <td><i>Pendapatan bercukai</i></td> <td style="text-align: right;"><u>90,845</u></td> </tr> </table>		<i>RM</i>	<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	190,000	<i>Tolak: Pelepasan</i>	<u>9,800</u>		180,200	 		<i>Tolak: Amaun pendapatan dikecualikan</i>	<u>89,355</u>	<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>90,845</u>		
	<i>RM</i>																
<i>Pendapatan penggajian / Jumlah pendapatan</i>	190,000																
<i>Tolak: Pelepasan</i>	<u>9,800</u>																
	180,200																
<i>Tolak: Amaun pendapatan dikecualikan</i>	<u>89,355</u>																
<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>90,845</u>																
(vi)	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 80%;"></td> <td style="text-align: right;"><i>RM</i></td> </tr> <tr> <td><i>Cukai atas RM70,000</i></td> <td style="text-align: right;">7,125.00</td> </tr> <tr> <td><i>Cukai atas RM20,845 @ 24%</i></td> <td style="text-align: right;"><u>5,002.80</u></td> </tr> <tr> <td><i>Cukai kena dibayar</i></td> <td style="text-align: right;"><u>12,127.80</u></td> </tr> </table>		<i>RM</i>	<i>Cukai atas RM70,000</i>	7,125.00	<i>Cukai atas RM20,845 @ 24%</i>	<u>5,002.80</u>	<i>Cukai kena dibayar</i>	<u>12,127.80</u>								
	<i>RM</i>																
<i>Cukai atas RM70,000</i>	7,125.00																
<i>Cukai atas RM20,845 @ 24%</i>	<u>5,002.80</u>																
<i>Cukai kena dibayar</i>	<u>12,127.80</u>																



**PENGECUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

5.3 Pendapatan daripada punca selain penggajian

Jika seorang individu bukan warganegara mempunyai punca pendapatan selain daripada penggajian dengan IPO, PS, SPPA atau SPPS, pendapatan bercukai (C) yang dirujuk dalam perenggan 5.2 di atas akan ditentukan mengikut formula berikut:

$$\frac{D}{E} \times F$$

Di mana,

- D - Pendapatan kasar daripada penggajian dengan IPO, PS, SPPA atau SPPS untuk suatu tahun taksiran;
- E - Jumlah pendapatan kasar daripada semua punca pendapatan untuk suatu tahun taksiran;
- F - Pendapatan bercukai untuk suatu tahun taksiran berkaitan pendapatan kasar daripada semua punca.

Contoh 5

Fakta adalah sama seperti di Contoh 2 kecuali Edward menerima pendapatan sewa sebanyak RM120,000 dalam tahun taksiran 2010 selain daripada pendapatan penggajian (beliau bekerja di luar Malaysia selama 176 hari).

Edward, pemastautin di Malaysia untuk tahun taksiran 2010, menuntut pelepasan berikut:

Pelepasan orang perseorangan	-	RM 9,000
Buku	-	<u>RM 1,000</u>
		<u>RM10,000</u>

Pengiraan cukai Edwards untuk tahun taksiran 2010 adalah seperti berikut:

<i>Pengiraan pendapatan bercukai di mana terdapat pendapatan selain pendapatan penggajian</i>	
(i)	<i>Pendapatan kasar daripada penggajian (D)</i>
	<i>Pendapatan penggajian</i> <i>RM240,000</i>



**PENGECUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

(ii)	<i>Pendapatan kasar daripada semua punca untuk tahun taksiran 2010 (E)</i>	
		<i>RM</i>
	<i>Pendapatan penggajian</i>	<i>240,000</i>
	<i>Pendapatan sewa</i>	<i><u>120,000</u></i>
	<i>Pendapatan kasar</i>	<i><u>360,000</u></i>
(iii)	<i>Pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2010 (F)</i>	
		<i>RM</i>
	<i>Pendapatan penggajian</i>	<i>240,000</i>
	<i>Pendapatan sewa</i>	<i><u>120,000</u></i>
		<i>360,000</i>
	<i>Tolak: Pelepasan</i>	<i><u>10,000</u></i>
	<i>Pendapatan bercukai</i>	<i><u>350,000</u></i>
(iv)	<i>Pendapatan bercukai (C) merujuk kepada perenggan 5.2 adalah:</i>	
	$\frac{240,000 (D)}{360,000 (E)} \times 350,000 (F)$	
	$= 233,333$	

Pengiraan pendapatan yang dikecualikan cukai di Malaysia

(i)	<i>Bilangan hari penggajian dijalankan di luar Malaysia dalam tahun 2010 (A)</i>
	<i>176 hari</i>
(ii)	<i>Bilangan hari dalam penggajian dengan IPO dalam tahun 2010 (B)</i>
	<i>365 hari</i>
(iii)	<i>Pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2010 (C)</i>
	<i>RM233,333</i>



**PENGECUALIAN CUKAI ATAS
PENDAPATAN PENGGAJIAN
INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA
YANG BEKERJA DENGAN
SYARIKAT TERTENTU DI MALAYSIA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2011
Tarikh Keluaran: 20 Disember 2011**

(iv)	<i>Pendapatan penggajian dikecualikan cukai di Malaysia</i> $\frac{176 (A)}{365 (B)} \times 233,333 (C)$ = RM112,511																
(v)	<i>Pengiraan pendapatan bercukai selepas mengambil kira amaun pendapatan penggajian yang dikecualikan cukai</i> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;"><i>RM</i></td> </tr> <tr> <td><i>Pendapatan penggajian</i></td> <td style="text-align: right;">240,000</td> </tr> <tr> <td><i>Sewa</i></td> <td style="text-align: right;"><u>120,000</u></td> </tr> <tr> <td><i>Jumlah Pendapatan</i></td> <td style="text-align: right;">360,000</td> </tr> <tr> <td><i>Tolak: Pelepasan</i></td> <td style="text-align: right;"><u>10,000</u></td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">350,000</td> </tr> <tr> <td><i>Tolak: Amaun pendapatan dikecualikan</i></td> <td style="text-align: right;"><u>112,511</u></td> </tr> <tr> <td><i>Pendapatan bercukai</i></td> <td style="text-align: right;"><u>237,489</u></td> </tr> </table>		<i>RM</i>	<i>Pendapatan penggajian</i>	240,000	<i>Sewa</i>	<u>120,000</u>	<i>Jumlah Pendapatan</i>	360,000	<i>Tolak: Pelepasan</i>	<u>10,000</u>		350,000	<i>Tolak: Amaun pendapatan dikecualikan</i>	<u>112,511</u>	<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>237,489</u>
	<i>RM</i>																
<i>Pendapatan penggajian</i>	240,000																
<i>Sewa</i>	<u>120,000</u>																
<i>Jumlah Pendapatan</i>	360,000																
<i>Tolak: Pelepasan</i>	<u>10,000</u>																
	350,000																
<i>Tolak: Amaun pendapatan dikecualikan</i>	<u>112,511</u>																
<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>237,489</u>																
(vi)	<i>Pengiraan cukai kena dibayar</i> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;"><i>RM</i></td> </tr> <tr> <td><i>Cukai atas RM150,000</i></td> <td style="text-align: right;">27,325.00</td> </tr> <tr> <td><i>Cukai atas RM87,489 @ 26%</i></td> <td style="text-align: right;"><u>22,747.14</u></td> </tr> <tr> <td><i>Cukai kena dibayar</i></td> <td style="text-align: right;"><u>50,072.14</u></td> </tr> </table>		<i>RM</i>	<i>Cukai atas RM150,000</i>	27,325.00	<i>Cukai atas RM87,489 @ 26%</i>	<u>22,747.14</u>	<i>Cukai kena dibayar</i>	<u>50,072.14</u>								
	<i>RM</i>																
<i>Cukai atas RM150,000</i>	27,325.00																
<i>Cukai atas RM87,489 @ 26%</i>	<u>22,747.14</u>																
<i>Cukai kena dibayar</i>	<u>50,072.14</u>																

6. Dokumen Diperlukan Untuk Tuntutan Pengecualian

Untuk tujuan audit dokumen yang boleh diterima bagi membuktikan tuntutan untuk pengecualian mengikut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 60) 2003 [P.U.(A) 382/2003] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2008 [PU.(A) 101/2008] adalah:

- (a) salinan kontrak penggajian; dan
- (b) pengesahan majikan berhubung bilangan hari penggajian dijalankan di dalam dan di luar Malaysia.

7. Tarikh Kuat Kuasa

Ketetapan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**